

30/01/2001

Isyarat pilihan raya Sarawak semakin hampir

DI Miri minggu lalu, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata, beliau masih belum mendapat ilham untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN), bagi membolehkan pilihan raya negeri kelapan diadakan.

"Setakat ini saya belum ada ilham. Kalau ilham sudah ada, saya akan mula bercakap mengenainya.

"Sekarang ini, saya sedang melawat banyak tempat, tetapi itulah yang biasa saya lakukan setiap kali sebelum pilihan raya," katanya kepada pemberita selepas mengadakan kunjungan rumah terbuka beberapa pemimpin dan ahli perniagaan Cina sempena Tahun Baru Cina.

Mengimbau kembali cara Abdul Taib yang sudah memimpin Bumi Kenyalang sejak hampir 20 tahun lalu, ungkapan itu sememangnya kerap dilemparkan apabila ditanya wartawan mengenai pilihan raya.

Malah, pemimpin berusia 64 tahun itu dengan rambut putihnya juga "sudah kelihatan" dengan janggut sejempunya.

Dua perkara ini iaitu perkataan "ilham" dan "janggut sejemput" bagaikan isyarat jelas bahawa pilihan raya negeri semakin hampir - perkataan sama dan cara janggutnya yang sama, terbukti menjadi isyaratnya sebelum membubarkan DUN dalam pilihan raya sebelum ini.

Tempoh kerajaan negeri pimpinan Abdul Taib akan berakhir September ini tetapi sudah ada tanda-tanda pilihan raya mungkin diadakan lebih awal. Apakah jangkakan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyaksikan upacara penyerahan projek terowong Bakun di Sarawak pada April depan akan berada dalam tempoh pilihan raya?

Malah, sejak kebelakangan ini, Abdul Taib kelihatan segar menjelajah ke banyak tempat untuk berjumpa rakyat. Namun, ini bukan isyarat yang jelas kerana Abdul Taib memang terkenal dengan kegemarannya melawat seluruh pelosok negeri bagi meninjau pembangunan walaupun bukan musim pilihan raya.

"Hanya yang membezakan perkara ini ialah kekerapan lawatannya dan di mana tempat dikunjunginya. Kebiasaan, kawasan yang dianggap agak sensitif terutama apabila pembangkang mula meresap, menjadi tumpuan lawatan itu," kata seorang pemerhati.

Abdul Taib sendiri ketika berhadapan wartawan sama ada di Kuching atau Kuala Lumpur, lebih suka bercakap mengenai pembangunan dan mengelak berbual mengenai politik terutama yang dikaitkan dengan pilihan raya. Ini kerana bagi beliau, politik pembangunan masih perlu bagi rakyat Sarawak.

Di sebalik tumpuan diberikan mengenai tarikh pilihan raya itu, pemerhati politik turut mempertaruhkan sama ada Barisan Nasional (BN) pimpinan Abdul Taib berjaya mencapai kemenangan mutlak atau besar seperti dalam beberapa pilihan raya sebelum ini.

Daripada 62 kerusi DUN Sarawak sekarang, 58 kerusi adalah milik BN iaitu 29 diwakili Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), 14 kerusi pula diwakili Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), lapan wakil Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan baki tujuh lagi milik Parti Kebangsaan Sarawak (Snap). Daripada empat kerusi yang dipegang pembangkang, masing-masing dua kerusi diwakili DAP dan calon Bebas.

Penganalisis berpendapat, BN Sarawak dijangka tidak menghadapi banyak masalah untuk terus berkuasa tetapi persoalannya mampukah PBB sebagai parti tulang belakang BN negeri mempertahankan kesemua kerusinya?

Bagaimana pula dengan SUPP, PBDS dan Snap. Apakah kemasukan Parti

Keadilan Nasional (Keadilan) untuk bertanding di Sarawak, akan memberi saingan kepada parti komponen BN itu dan sejauh mana Pas boleh mempengaruhi penduduk negeri itu?

Tumpuan sudah pasti diberi kepada kawasan yang majoriti pengundi Melayu/Melanau terutama di kawasan bandar dan pinggir bandar. Ini kerana kawasan itu dikatakan sedikit sebanyak sudah mula diresapi pembangkang.

Pada pilihan raya umum Parlimen 1999, PBB menang dengan jarak yang tipis di kawasan Melayu utama di Kuching. Satu daripada isu yang pembangkang tumpukan ialah mengenai tanah Melayu di kawasan Petra Jaya di seberang sungai dari Kuching. Ia dikaitkan dengan perancangan untuk membangunkan semula tanah dan projek jambatan kedua yang merentangi Tebing Selatan dan Tebing Utara di Kuching.

Namun, ada kalangan penganalisis tidak bersetuju bahawa kawasan itu mula dikuasai pembangkang.

"Hakikatnya, kelompok di kalangan orang Melayu yang tinggal di bandar sudah agak matang dan mereka ini terdedah kepada pelbagai maklumat.

"Angin perubahan politik orang Melayu di Semenanjung, juga sedikit sebanyak bertiup di kawasan ini.

"Kalau mereka tidak mengundi BN, bukan bermakna mereka sukakan pembangkang tetapi kerana memprotes sesuatu yang hanya mereka sendiri yang tahu," katanya.

Bilangan kerusi Melayu yang ada sekarang hanya 23 sahaja iaitu 37 peratus daripada sejumlah 62 kerusi DUN, kebanyakannya dikuasai oleh PBB.

"Namun, jumlah kerusi Melayu yang berada di bandar terutama di Kuching hanya sedikit dan kebanyakan yang lain berada di luar bandar.

"Saya tidak terfikir, kerusi Melayu akan terjejas teruk kerana orang Melayu/Melanau di kawasan luar bandar masih setia kepada BN.

"Mungkin pengaruh parti Keadilan dan Pas wujud di sebilangan kecil kawasan di luar bandar seperti perkampungan Melayu di Bahagian Sri Aman, tetapi majoritinya masih boleh dikuasai PBB," kata seorang lagi pemerhati.

Ada laporan menyebut populariti Keadilan semakin meningkat di negeri itu dan akan bertanding dalam pilihan raya negeri bagi kali pertama.

Hakikatnya, orang Melayu/Melanau di Sarawak tidak mampu untuk berpecah. Sekalipun, semua 23 kerusi itu dimenangi BN menerusi PBB, ia tidak boleh untuk membentuk kerajaan secara bersendirian.

Pengumuman bekas Timbalan Presiden PBB, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha untuk mencabar Abdul Taib di kerusi Dun Asajaya dalam pilihan raya kali ini dilihat bukan satu ancaman kepada Ketua Menteri atau PBB kerana rakyat sukar menerima bentuk politik balas dendam.

Apa yang nyata orang Melayu sendiri yang rugi kerana terpaksa berpecah-belah.

Abang Abu Bakar sukar menerima hakikat yang dia tidak dicalonkan semula bagi kerusi Parlimen Kuala Rajang pada pilihan raya umum lalu dan tempatnya digantikan oleh Datuk Effendi Norwawi, yang kini Menteri Pertanian.

Sebelum ini pun, beliau gagal mempertahankan jawatan nombor dua dalam PBB apabila kalah teruk dalam pertandingan tiga penjur. Bekas Menteri Pertanian itu akhirnya meletakkan jawatan daripada PBB.

Beliau kemudian mencetuskan kontroversi apabila cuba membawa masuk Umno ke Sarawak tetapi tidak mendapat restu pucuk pemimpin tertinggi Umno di Kuala Lumpur.

Ada pihak menyatakan bahawa kesan pertandingan jawatan Timbalan Presiden PBB itu dijangka berlarutan dalam pilihan raya negeri nanti. Jawatan itu dimenangi Datuk Abang Johari Tun Openg meskipun seorang lagi calon, Datuk Adenan Satem dikatakan mendapat sokongan pemimpin tertinggi parti, tetapi tewas.

Pemerhati berpendapat, jika ada kesan sekalipun berikutan saingan sengit

untuk jawatan Timbalan Presiden PBB itu sebelum ini, ia tidak membabitkan bayangan Abang Abu Bakar, sebaliknya di antara penyokong Abang Johari dan Adenan, kedua-duanya menteri kabinet negeri. Isu perkauman di antara Melayu dan Melanau turut ditimbulkan. Isu ini agak berbahaya yang boleh menjejaskan "survival" politik Sarawak yang berteraskan Melayu/Melanau selama ini.

Abang Abu Bakar baru-baru ini dipetik sebagai berkata bahawa beliau mahu mencabar Abdul Taib kerana cuba menguji populariti bagi menafikan dakwaan sesetengah pemimpin PBB bahawa beliau tidak lagi mendapat sokongan.

Namun, hakikatnya, Abang Abu Bakar tidak popular meskipun menjadi wakil rakyat kawasan Kuala Rajang sebelum ini, apatah lagi mahu bertarung di Asajaya atas tiket Bebas.

"Anda tanya beliau (Abang Abu Bakar). Jika beliau fikir beliau segagah saya, anda pastikanlah sama ada beliau gagah. Anda pastikanlah jika beliau seorang yang setara dengan saya.

"Saya tidak mahu menjawab soalan seperti itu. Ia agak peribadi tetapi ada orang berpendapat jika anda mahu menguji populariti, anda harus memasuki pertandingan `menyanyi'," kata Abdul Taib dalam satu temu ramah dengan Bernama baru-baru ini apabila ditanya sama ada beliau terperanjat dengan pengumuman Abang Abu Bakar yang mahu mencabarnya.

Kehadiran SUPP, PBDS dan Snap masih diperlukan oleh PBB untuk sama-sama berkongsi pemerintahan dalam sebuah negeri yang mempunyai lebih 20 suku etnik. Mungkin SUPP akan terpaksa berhadapan dengan DAP manakala PBDS dan Snap pula akan menghadapi saingan daripada calon Bebas serta parti pembangkang lain termasuk Parti Reformasi Sarawak (Star).

(END)